

ma'na *Awwali* atau ma'na asal bagi ayat berkenaan adalah berkaitan dengan orang-orang kafir yang cuba menyembunyikan niat-niat jahat di dalam hati-hati mereka. Orang-orang kafir yang selalu mengadakan perjumpaan-perjumpaan sulit demi melaksanakan perancangan jahat mereka. Kesenambungan ayat kelima dengan ayat-ayat sebelumnya baru akan ketara, apabila kesemuanya dilihat dari sudut pandang *ma'na Awwalinya*. Ma'na awwali bagi ayat-ayat tersebut menurut Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmani ialah: Kalau kamu tidak ta'at dan patuh kepada Nabi Muhammad yang diutuskan Allah itu dan kamu terus menderhaka dan memberontak terhadapnya, Allah akan menyiksa kamu pada hari kiamat nanti. Inilah yang nyata daripada firmanNya: وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ (dan jika kamu berpaling, maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab hari kiamat yang besar). Untuk dapat menyiksa seseorang pesalah, pemerintah semestinya mempunyai tiga syarat berikut ini: (a) Pesalah itu mestilah berada dalam kekuasaannya. Kalau pesalah itu berada di luar wilayah kekuasaannya, bagaimana dia akan dapat menyiksanya? (b) Pesalah itu mampu disiksanya. Kalau pemerintah seorang yang lemah dan kerdil, pesalah pula seorang yang gagah perkasa, jauh lebih kuat daripadanya, bagaimana dia akan dapat menyiksanya? (c) Pemerintah memang mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Kalau dia langsung tidak mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh seseorang, tentulah tidak patut dia menyiksanya. Setelah mengancam orang-orang yang berpaling dan menderhakai RasulNya, Allah berfirman: إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ (Kepada Allah jualah kembalimu). Kalau begitu, bagaimana mereka akan terlepas daripada kekuasaanNya. Tiada lagi tempat untuk mereka melarikan diri! Sekarang syarat (a) sudah ada. Syarat (b) juga ada di dalam ayat yang sama; وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu). Biar siapa pun yang memberontak dan menderhaka, dia tetap kedil di hadapan Allah. Tinggal lagi syarat ketiga. Isyarat kepadanya ada tersebut di dalam ayat (5) selepasnya; أَلَا إِنَّهُمْ يَتَّبِعُونَ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا مِنْهُ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُبْسِرُونَ وَمَا يُعْلِنُونَ إِنَّهُ عَلَيْهِمْ بَدَاتُ الصُّدُورِ (Ketahuilah! Sesungguhnya mereka (yang ingkar itu) membongkokkan badan untuk menyembunyikan (perasaan buruk yang ada di dalam dada mereka) daripadanya. Ketahuilah! Semasa mereka berselubung dengan pakaian mereka sekalipun, Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka zahirkan; Sesungguhnya Dia Maha mengetahui segala isi hati). Kalau tidak ada apa pun yang tersembunyi kepada Allah, tentulah kesalahan-kesalahan manusia juga tidak tersembunyi kepadaNya. Lihatlah betapa harmoni dan saling berkaitannya maksud ayat-ayat tadi, apabila ia ditinjau menggunakan perspektif *ma'na awwalinya*. (7) Sesetengah 'ulama' Tafsir cuba mengaitkan ayat-ayat yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas di dalam hadits di atas dengan siyaaq dan sibaaqnya yang membicarakan tentang hari kiamat, dengan mentafsirkan ayat ketiga belas Surah al-Qiyaamah yang berbunyi:

يُنَبِّئُ الْإِنْسَانَ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ۚ

itu begini: "Sebenarnya ayat ini menggambarkan perihal manusia yang disoal pada hari kiamat nanti. Antara soalan yang akan dikemukakan nanti ialah kenapa kamu mengemudikan kerja yang sepatutnya didahulukan? Dan kenapakah kamu mendahulukan kerja yang sepatutnya dikemudikan? Kenapa kamu misalnya, mendahulukan atau mengutamakan pekerjaan kamu daripada sembahyang? Bukankah sepatutnya sembahyang itu didahulukan dan diutamakan daripada perkara-perkara yang lain? Pergi mengerjakan haji sepatutnya didahulukan daripada pergi melancong ke lain-lain tempat. Kenapa kamu mendahulukan pergi melancong ke tempat-

tempat lain daripada pergi ke Mekah untuk menunaikan haji? dsb. Keadaan mendahulukan apa yang sepatutnya dikemudiankan dan mengemudiankan apa yang sepatutnya didahulukan juga telah berlaku kepada Nabi s.a.w. sendiri. Di mana ketika menerima ayat-ayat permulaan Surah al-Qiyaamah, sepatutnya Baginda s.a.w. diam dan mendengar bacaan Jibril dengan teliti terlebih dahulu. Tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya. Itulah sebabnya Allah menegur Baginda s.a.w. dengan firmanNya:

لَا تُخْرِكْ بِمَ لِسَانِكَ لَتَعَجَّلَ بِمَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya ialah membaca al-Qur'an yang disampaikan Jibril, tidak sepatutnya didahulukan. Ia sepatutnya dikemudiankan. Ketika Kami membaca, engkau hendaknya diam saja dan mendengar bacaan yang disampaikan itu dengan teliti. Tafsiran ini mungkin dapat merungkai kekusutan yang timbul itu. (8) Kesesuaian dan kesinambungan tafsiran Ibnu 'Abbaas di dalam hadits di atas dengan ayat-ayat yang tersebut sebelumnya menurut sesetengah 'ulama' tafsir yang lain pula adalah kerana di dalam ayat kedua Surah al-Qiyaamah Allah menyebutkan tentang jiwa manusia secara umumnya. Justeru Allah bersumpah dengannya:

وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ﴿٢١﴾

Bermaksud: dan aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri). (al-Qiyaamah:2). Setelah menyebutkan tentang jiwa manusia secara umumnya, Allah menyebutkan pula tentang jiwa manusia yang paling mulia dan paling agung. Jiwa manusia yang mulia dan agung itu juga telah melalui proses pendidikan tertentu dalam perjalanan hidupnya. Sebagai jiwa yang terpilih, hendaknya ia memilih jalan terbaik dan paling sempurna dalam menerima wahyu Allah. Jalan terbaik untuknya ialah diam saja ketika Jibril menyampaikan wahyu dan mendengarnya dengan teliti. Apabila Jibril selesai membaca, barulah dibaca apa yang disampaikan Jibril sebelum itu. Soal terlepas mana-mana bahagian bacaan, tidak perlu timbul di dalam jiwa manusia yang mulia dan dipilih Allah. Krn tentulah semua itu termasuk dalam apa yang dijamin Allah akan dijagaNya. (9) Ada juga 'ulama' tafsir yang melihat kesesuaian dan perkaitan di antara tafsiran ayat-ayat yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abbaas di dalam hadits ini dengan siyaaq dan sibaaqnya terletak pada firman Allah:

بَلِ الْإِنْسَانُ عَلَى نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ ﴿٢٢﴾ وَلَوْ أَلْقَى مَعَاذِيرُهُ ﴿٢٣﴾

Bermaksud: bahkan manusia itu menjadi saksi terhadap dirinya sendiri,(14). Walaupun ia memberikan alasan-alasannya (untuk membela diri). (15). (al-Qiyaamah:14-15). Dalam mengikuti bacaan Jibril itu, Nabi s.a.w. juga mempunyai alasannya tersendiri. Alasan beliau s.a.w. ialah takut terlupa dsb. Krn itu beliau ditegur. Seolah-olahnya dikatakan: "Kalau itulah alasanmu, maka bukankah engkau sendiri tahu dan sedar bahawa kemampuan mengingat itu juga tidak akan diperolehi melainkan dengan taufiq dan pertolongan Allah? Maka tinggalkanlah kegopohan ini dan bergantunglah sepenuhnya kepada hidayah daripada Allah. Itulah maksud firman Allah berikutnya:

لَا تُخْرِكْ بِمَ لِسَانِكَ لَتَعَجَّلَ بِمَ ﴿٢٤﴾ إِنْ عَلَيْنَا جُمُوعُهُمْ وَقُرْآنُهُمْ ﴿٢٥﴾

Bermaksud: Janganlah engkau menggerakkan lidahmu untuk membaca al-Qur'an itu supaya engkau segera mendapatkannya. (16) Sesungguhnya Kami jamin akan mengumpulkannya dan membacakannya. (17). (10) Sebahagian ahli tafsir mengatakan, kesesuaian ayat-ayat yang

ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas itu dengan ayat-ayat dalam siyaaq dan sibaaqnya terletak pada tiga ayat ini:

يَقُولُ الْإِنْسَانُ يَوْمَئِذٍ أَئِنِّ الْقَرُّ ۖ كَلَّا لَا وَرَرٌ ۖ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ التَّسْتَفَرُّ ۖ

Bermaksud: (maka) pada hari itu, berkatalah manusia (yang ingkarkan hari kiamat): “Ke manakah hendak melarikan diri?”(10) tak usahlah bertanya demikian! tidak ada lagi tempat perlindungan! (11) hanya kepada Tuhanmu sajalah pada hari itu tempat kembali. (12). (al-Qiyaamah:10-12). Maksud tersirat di sebalik firman Allah ini ialah kalau orang kafir lari daripada Allah kepada selainNya, engkau wahai Muhammad tidak sepatutnya begitu. Kenapa engkau bergantung kepada perbuatan mengulang-ngulang bacaan untuk menghafal al-Qur'an? Bukankah cara itu juga semacam bergantung dengan sesuatu yang lain selain Allah? Engkau sepatutnya bertindak berlawanan dengan perbuatan mereka. Kalau begitu, semestinya engkau lari daripada selainNya kepadaNya. Semestinya engkau bergantung kepada Allah semata-mata untuk menyempurnakan segala urusanmu. Itulah maksud tersirat di sebalik firman Allah: **إِن عَلَيْنَا جَمْعُهُ** (Sesungguhnya Kami jamin akan mengumpulkannya dan membacakannya). (Al-Qiyaamah:17). Maksudnya ialah jika engkau bergantung sepenuhnya kepada Allah. Itulah juga maksud tersirat di sebalik firman Allah ini:

فَتَعَلَىٰ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ ۚ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِن قَبْلِ أَن يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ ۚ وَقُل رَّبِّ زِدْنِي عِلْمًا ۖ

Bermaksud: Maka Maha Tinggi Allah, raja yang sebenar-benarnya, dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: “Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku”. (Thaaha:114). Maksudnya ialah janganlah engkau bergantung kepada sesuatu yang lain selain Allah. Bergantunglah sepenuhnya kepada Allah semata-mata. **Kesimpulannya ialah walaupun pada** pandangan dan ilmu kita yang dangkal ini tidak wujud sebarang perkaitan di antara satu ayat dengan ayat selepasnya, atau sebuah surah dengan surah selepasnya, tetapi ia tetap mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan berkesinambungan tanpa terputus di antara satu sama lain, jika dikaji dan diperhati dari pelbagai sudut. Kerana kalam Allah yang Maha Bijaksana harus direnungi dengan kebijaksanaan jua. Sekiranya ayat-ayat al-Qur'an tidak diperhatikan dengan kajian dan kebijaksanaan yang mendalam, sudah pasti pedoman tersirat dan perkaitan di antara ayat-ayatnya gagal difahami. Dan demi untuk mengaitkan kesesuaian di antara ayat-ayat dan surah-surahnya yang jika dilihat dengan selayang pandang seolah-olah tidak mempunyai sebarang perkaitan, ulama'-ulama' tafsir telah menghasilkan kitab-kitab yang khusus dalam menghuraikannya seperti kitab *تناسب الآيات والسور* karangan Burhanuddin Abu al-Hassan Ibrahim Bin 'Umar al-Biq'a'ie yang berjumlah lebih daripada dua puluh jilid. **Kesesuaian dan perkaitan** di antara ayat-ayat sedemikian juga terdapat di dalam hadits-hadits dan bab-bab di dalam *Sahih Bukhari*. Sebagaimana yang telah kita Bincangkan sebelum ini, di antara keistimewaan *Sahih Bukhari* yang tidak ada tolok bandingannya ialah susunan hadits-haditsnya yang saling bertautan ma'nanya sama seperti al-Qur'an. **Antara pengajaran dan panduan yang telah di rumus** oleh para 'ulama' daripada mafhum hadits ini ialah: (1) Elok sekali guru mengajarkan sesuatu pengajaran kepada murid-murid secara praktikal, demi memudahkan pemahaman mereka. (2) Kemampuan menghafal al-Qur'an adalah anugerah Allah s.w.t. Walaupun pada hakikatnya menghafal ayat-ayat al-Qur'an adalah sesuatu yang amat rumit, lebih-lebih lagi kepada orang-

٦- حَدَّثَنَا عَبْدَانُ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا يُونُسُ عَنْ الزُّهْرِيِّ ح وَحَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا يُونُسُ وَمَعْمَرٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ نَحْوَهُ قَالَ أَخْبَرَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جَبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

6- 'Abdaan⁵¹ meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah (bin al-Mubaarak)⁵² meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus⁵³ meriwayatkan kepada kami daripada az-

orang yang tidak menguasai Bahasa Arab, Allah s.w.t. tetap mempermudahkannya kepada sesiapa sahaja yang mahu mempelajari atau menghafalnya. Allah berfirman di dalam al-Qur'an:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ۝

Bermaksud: "Sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Qur'an untuk dipelajari (termasuk dihafal), maka adakah orang yang mahu mengambil pelajaran?" (al-Qamar17). (3) Rasulullah s.a.w. pernah mengalami kesukaran ketika menerima al-Qur'an di peringkat awal. (4) Sebahagian daripada teguran Allah terhadap NabiNya terdapat di dalam al-Qur'an. Teguran itu bukan hanya berkait dengan tingkah laku dan sikap Baginda s.a.w. terhadap manusia semata-mata, malah ia juga berkait dengan perihal Rasulullah s.a.w. semasa menerima wahyu dan lain-lain.

⁵¹ Nama sebenar beliau ialah 'Abdullah bin 'Utsman bin Jabalah bin Abi Rawwaad al-'Ataki al-Marwazi. Beliau adalah maula (hamba bebasan) Muhallab bin Abi Shufrah. 'Abdaan hanyalah nama gelaran beliau (لقب). Sesetengah 'ulama' berpendapat, 'Abdaan adalah nama yang telah dipinda dan diubah daripada bentuk asalnya menurut qaedah pengubahan dan pemindaan nama (من باب تغيير الأسماء). Antara nama yang dipinda dan diubah dalam penggunaan orang-orang 'Arab daripada bentuk asalnya ialah 'Ali. Ia dipinda dan ditukar kepada 'Allaan. Ahmad bin Yusuf as-Sulami dipinda dan ditukar kepada Hamdaan. Wahab bin Baqiyyah al-Waasithi dipinda dan ditukar kepada Wahbaan. Kerana mengikut qaedah inilah juga 'Abdullah bin 'Utsman telah dipinda sehingga ia bertukar menjadi 'Abdaan. Tetapi Hafiz al-'Aini menukil pendapat Ibnu Thahir bahawa, nama sebenar 'Abdaan ialah 'Abdullah. Nama panggilan beliau (كنية) pula ialah Abu 'Abdir Rahman. Setelah dua nama itu dicampurkan, wujudlah dua عبد. Kemudian daripada dua 'abd itulah terjadi 'Abdaan sebagai isim tatsniah. Jadi menurut Ibnu Thahir, ia tidak terbentuk kerana mengikut qaedah pengubahan dan pemindaan nama (من باب تغيير الأسماء). Malah ia terbentuk kerana telah wujud dua 'Abd hasil gabungan 'alam (nama sebenar) dan kuniah (nama panggilan) yang bermula dengan perkataan عبد. Al-'Aini mentarjihkan pendapat Ibnu Thahir dalam masalah ini. 'Abdaan adalah seorang perawi tsiqah dan hafiz. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 221H ketika berumur 76 tahun. Para 'ulama' hadits menyebutkan bahawa jika 'Abdaan mengambil sesuatu hadits daripada 'Abdullah, tanpa menjelaskan identiti 'Abdullah yang mana satu, maka ia bererti 'Abdullah bin al-Mubarak.